



Headline	Pasaran hartanah terus mantap
MediaTitle	Berita Harian
Date	03 Jun 2016
Section	Bisnes
Page No	B4
Language	Malay
Journalist	Shahrizan Salian
Frequency	Daily



Pasaran hartanah terus mantap

➔ Dasar kerajaan galak pertumbuhan jadikan industri berdaya tahan

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Pelabur hartanah tempatan meneruskan pembelian hartanah di negara ini meskipun berhadapan ekonomi yang perlahan, kelemahan mata wang dan peningkatan harga rumah.

Menurut Laporan Kaji Selidik

Sentimen Pasaran Hartanah Malaysia PropertyGuru Separuh Pertama 2016, pembeli hartanah menunjukkan kepuasan terhadap industri itu, dengan 49 peratus responden yakin masih terdapat prospek yang baik bagi peningkatan modal jangka panjang.

Walaupun pasaran domestik mungkin sukar dijangka, program sedia ada kerajaan termasuk Program Malaysia Rumah Keduaku, penambahbaikan infrastruktur dan pembangunan berterusan zon ekonomi seperti Iskandar Malaysia akan menggalakkan pertumbuhan dalam industri hartanah.

Baru-baru ini juga, Malaysia dinamakan sebagai salah satu destinasi pelaburan infrastruktur paling menarik di dunia oleh edisi ketiga Indeks Pelaburan Infrastruktur Global, dengan hanya diatasi oleh Singapura di rantau ASEAN.

Menggalakkan pertumbuhan sektor

Pengarah Eksekutif Jones Lang Wootton, yang juga veteran 30 tahun dalam industri hartanah, Prem Kumar, berkata sektor hartanah Malaysia dikenali sebagai berdaya tahan dan tidak berde-

pan masalah pasaran yang drastik sejak Krisis Kewangan Asia 1997.

"Walaupun suasana pasaran semasa adalah mencabar, pertumbuhan jangka panjang hartanah tidak akan terjejas, terutama dengan dasar kerajaan yang sentiasa menggalakkan pertumbuhan sektor ini sebagai antara penyumbang utama kemajuan ekonomi Malaysia," katanya.

Walaupun industri hartanah berhadapan tempoh kurang memberangsangkan sejak dua tahun lalu, perkembangan itu mungkin akan berubah dengan sikap pelabur semakin meningkat berdasarkan maklum balas yang dikumpul daripada kaji selidik PropertyGuru.

Satu lagi isyarat positif bagi pasaran tempatan adalah kembalinya Anugerah Hartanah Asia Tenggara (Malaysia) yang memberikan rangsangan sangat diperlukan kepada pemaju dan peserta industri yang menyumbang terhadap membina semula keyakinan pelabur dengan pelbagai projek pembangunan berkelas dunia.

Kumar yang baru-baru ini dinamakan sebagai Pengerusi Panel Juri anugerah berkenaan turut menggesa supaya pemaju, profesional hartanah dan orang awam menyuarakan pendapat mereka dan menghantar pencalonan bagi anugerah tahunan ketiga itu.